

## BAB 4

### KERAJAAN JOHOR-RIAU DALAM PEMBANGUNAN SOSIO-BUDAYA PERADABAN MELAYU.

Apabila mengkaji tradisi intelektual warisan Johor-Riau terdapat bukti penghasilan naskah seperti; *Sejarah Melayu (Sulalatus Salatin)*, *Tuhfat Al-Nafis*, *Hikayat Siak*,<sup>1</sup> *Peringatan Sejarah Negeri Johor, Sejarah Raja-Raja Melayu Dan Bugis, Silsilah Melayu Dan Bugis*,<sup>2</sup> *Hikayat Upu Daeng Menambun, Hikayat Raja-Raja Riau, Aturan Satiya Bugis Dan Melayu, Fasal Pada Menyatakan Keturunan Raja-Raja Temenggung Di Dalam Negeri Muar, Hikayat Johor Serta Pahang, Hikayat Raja Johor, Hikayat Riau, Hikayat Negeri Johor, Undang-Undang Lima Fasal Dari Riau, Sejarah Raja-Raja Riau, Hikayat Johor Dan Tawarikh Al-Marhum Sultan Abu Bakar, Hikayat Johor (Penggah 2) Dan Tawarikh YMM Ibrahim Sultan Johor, Syair Perang Johor Dan Syair Engku Puteri*.<sup>3</sup> Karya-karya ini penting kepada kerajaan Johor-Riau kerana ia mencerminkan sosio-budaya dan sosio- politik masyarakat waktu itu yang berperadaban tinggi.

---

<sup>1</sup> *Hikayat Siak* terdapat nama lain iaitu *Hikayat Raja Akil* (R.Roolvink), *Sejarah Melayu dan Raja-Raja Melayu*. L.Y. Andaya, pula menyebut *Babak Siak*. Lihat L.Y. Andaya, 1987. *Kerajaan Johor 1641-1728: Pembangunan Ekonomi dan Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 5-9.

<sup>2</sup> Terdapat tiga buah naskhah *Silsilah Melayu dan Bugis* yang tersimpan di beberapa perpustakaan di dunia. Naskhah pertama terdapat di universiti Leiden. Naskhah kedua terdapat di Museum Negara, Kuala Lumpur. Naskhah ketiga terdapat di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Lihat ulasan Hasan Junus, 1988. *Raja Ali Haji Budayawan Di Gerbang Abad Ke XX*. Pekan Baru: Universiti Islam Riau Press, hlm. 99-100.

<sup>3</sup> Hasil kesusteraan Melayu abad ke-19, lihat Siti Hawa Haji Salleh, 1994. *Kesusteraan Melayu Abad Kesembilan Belas: Sejarah dan Sifatnya*. Disertasi Kedoktoran, Universiti Kebangsaan Malaysia. Lihat juga Teuku Iskandar, 1995. *Kesusteraan Klasik Melayu Sepanjang Abad*. Kuala Lumpur: Melindo Printers Sdn. Bhd., hlm. 533.

Apabila mengkaji kesultanan Johor, yang berkisar di sekitar kepulauan Melayu-Riau-Lingga, nama almarhum Raja Ali Haji<sup>4</sup> iaitu putera Raja Ahmad Haji tidak dapat ditinggalkan. Beliaulah yang telah menghasilkan satu penulisan berlatarkan sejarah kerajaan Johor-Riau-Lingga sebagai model peradaban Melayu pada waktu itu. Karya seperti *Tuhfat al- Nafis* dan *Silsilah Melayu dan Bugis* adalah pilihan yang tepat untuk meneliti kedudukan, corak, perkembangan dan pensejarahan peradaban Melayu Riau-Lingga sebelum akhir abad ke 19.<sup>5</sup>

---

<sup>4</sup> Raja Ali (Raja Ali Haji) anak kepada Raja Ahmad dengan Hamidah binti Panglima Malik Selangor. Beliau dilahirkan sekitar 1808 di Pulau Penyengat, Riau. Beliau merupakan tokoh agama, menguasai ilmu saraf, nahu, usuluddin, fiqh dan tasawuf. Berketurunan Daeng Bugis lima saudara, datuknya iaitu Raja Haji ibni Daeng Celak. Ayahnya Raja Ahmad memainkan peranan penting dalam perkembangan politik Johor-Riau dan telah beberapa kali dikirim ke Betawi melakukan rundingan politik dengan Belanda. Hasil pembacaannya yang luas, Raja Ali Haji dapat menambah pengalaman dalam pelbagai bidang penulisan meliputi budaya, bahasa, sastera, sejarah dan agama. Terdapat 13 buah kitab yang pernah dituliskannya, mulai dari yang sudah diterbitkan sampai yang dalam bentuk naskhah. Raja Ali Haji yang merupakan ulama dan cendekiawan yang menjadi penasihat senior dalam kerajaan Riau-Lingga. Beliau yang mempunyai hubungan rapat dengan YDPM Raja Ali (1844-1857) yang mendapat nasihat darinya. Selain itu, YDPM Abdullah (1857-1858) adalah bekas muridnya sebelum tahun 1840-an yang belajar bahasa Arab, ilmu kalam, tasawuf dan hukum Islam kepadanya. Raja Ali Haji juga berperanan besar dalam pelaksanaan ajaran Islam di Riau mahupun Johor. Lihat Hasan Junus, *Raja Ali Haji Budayawan di Gerbang Abda XX*, hlm. 33-39. Teuku Iskandar, *Kesusteraan Klasik Melayu Sepanjang Abad*, hlm. 533. Hamidy, 1988. *Riau Sebagai Pusat Bahasa dan Kebudayaan Melayu*. Pekan Baru: Penerbit Bumi Pustaka, hlm. 53. Raja Ali Haji, 1980. "Muqaddimah fi Intizam al-Mulk", Edisi Abu Hasan Sham. Majalah *Islamika*, hlm. 75-79.

<sup>5</sup> Muhammad Yusoff Hashim, 1992. *Pensejarahan Melayu: Kajian Tentang Tradisi Sejarah Melayu Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 05. Tradisi penulisan seperti ini, bukan sahaja berlaku di Johor-Riau, malah berlaku juga dalam kerajaan sebelum ini dan kerajaan kecil lain yang ada hubungan dengan kerajaan Johor seperti di Kedah. Tradisi intelektual di Kedah juga dikatakan muncul sejak abad ke-17, yang berjaya menghasilkan naskhah termasuklah *Undang-Undang Kedah*, *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Tareh Kerajaan Kedah*, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Sementara itu, dalam bentuk puisi pula seperti *Syair Sultan Maulana* dan *Syair Duka Nestapa*. Karya-karya ini di samping melukiskan sejarah tempatan, dari sudut tertentu telah memperlihatkan adanya hubungan di antara Johor dan Kedah. Lihat ulasan Shaidun Haji Shaari & Inzura Haji Kosnin (ed.), 1995. *Warisan Budaya Utara Selatan*. Terbitan Majlis Kebudayaan Negeri Kedah Darul Aman, hlm. 02.

Teks terawal yang menyentuh kerajaan Johor terdapat dalam *Sejarah Melayu (Sulalatus Salatin)*<sup>6</sup> karangan Tun Seri Lanang iaitu Bendahara Johor.<sup>7</sup> Pengarang mula mengaitkan Johor selepas kejatuhan Melaka ke tangan Portugis 1511 dan perpindahan Sultan Mahmud dan Sultan Ahmad ke Johor. Pada masa beliau memperbaiki *Hikayat Melayu*, Tun Sri Lanang juga berperanan sebagai penyemak fakta, pengabsahan (dengan merujuk kepada orang tua yang masih ingat peristiwa itu); alih bahasa, perunding tentang adat istiadat, kepercayaan dan sebagainya.<sup>8</sup>

Naskhah *Hikayat Melayu*, yang kemudian diberi nama *Sulalatus Salatin* bukan sahaja hikayat hiburan semata-mata tetapi juga memaparkan peristiwa-peristiwa yang sebenar dalam sejarah tamadun Melayu. Tun Sri Lanang yang ditugaskan untuk menyusun Naskah *Hikayat Melayu* oleh Sultan Alauddin Riayat Shah, merupakan naskah yang mempunyai nilai keunggulan peradaban Melayu seluruhnya. Ketokohan Tun Sri Lanang terserlah apabila *Hikayat Melayu*, berubah bentuk dan cara penyampainya, menjadi *Sulalatus Salatin* atau *Sejarah Melayu* yang tiada tolok bandingnya dengan karya sezaman dengannya.<sup>9</sup> Kedudukan *Sejarah Melayu* sebagai karya historiografi

---

<sup>6</sup> *Sulalatus Salatin* (Sejarah Melayu) karangan Tun Seri Lanang, merupakan karya sejarah dan tamadun Melayu pada zaman kesultanan Melaka dan Johor. Banyak kajian telah dilakukan terhadap teks ini yang mengkaji aspek ketamadunan dan peradaban Melayu. Lihat Harun Daud, 1989. *Sejarah Melayu: Satu Kajian Dari Aspek Pensejarahan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Lihat juga Samri Sainuddin, 1999/2000. "Peradaban Melayu Melaka Berdasarkan Sejarah Melayu". Tesis Sarjana Sastera, Pengajian Peradaban, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

<sup>7</sup> Tun Seri Lanang atau nama sebenarnya Tun Muhammad, ialah piut kepada Bendahara Sri Maharaja Tun Mutahir. Beliau menjadi Bendahara Johor pada tahun 1580 semasa Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Riyat Syah (1571-1597). Beliau dikatakan memulakan penulisan pada tahun 1512. Teks *Sejarah Melayu* dipercayai dikarang pada tahun 1612, ketika beliau menjadi Bendahara kepada Sultan Alauddin Riyat Syah III (1623-1677). Lihat A. Samad Ahmad, (ed.), 1979. *Sulalatus Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 292. Muhammad Yusoff Hashim, *Pensejarahan Melayu: Kajian Tentang Tradisi Sejarah Melayu Nusantara*, hlm., 96. Siti Hawa Haji Salleh, "Kepengarangan Tun Sri Lanang" dalam Zainal Abidin Borhan, (et.al), 1997. *Warisan Persuratan Johor*. Kuala Lumpur: Yayasan Warisan Johor, hlm. 45.

<sup>8</sup> Muhammad Yusoff Hashim, *Pensejarahan Melayu*, hlm. 96.

Siti Hawa Haji Saleh "Kepengarangan Tun Sri Lanang" *Warisan Persuratan Johor*, hlm. 57-58.

Melayu tradisional menyebabkan ia paling banyak mendapat perhatian sarjana berbanding karya-karya yang sejenis dengannya.<sup>10</sup>

Demikian juga karya agung lain seperti *Hikayat Hang Tuah*, yang telah dikarang pada zaman yang hampir sama dengan *Sejarah Melayu*. Karya ini, pengarang sekali lagi mengingatkan masyarakatnya akan kebesaran dan ketinggian peradaban mereka pada zaman Melaka dahulu. Watak-watak pada zaman Melaka dihidupkan kembali, walaupun kadang kala dengan fungsi berlainan.<sup>11</sup>

Naskhah *Tuhfat al-Nafis* yang dikatakan mempunyai fakta sejarah Johor yang sahih antara abad ke-18 hingga pertengahan abad ke-19. Winstedt menganggap *Tuhfat al-Nafis* sebagai karya penting selepas *Sejarah Melayu* bagi mengkaji sejarah Johor. Sehingga hari ini, kajian mendapati terdapat 6 buah manuskrip *Tuhfat al-Nafis* meliputi versi panjang dan pendek.<sup>12</sup> Pengisahan *Tuhfat al-Nafis* amat panjang sehingga meliputi seribu tahun. Namun begitu, pengisahan sejarah Johor bermula dalam tahun 1699 apabila

---

<sup>10</sup> Haron Daud, 1989. *Sejarah Melayu Satu Kajian Daripada Aspek Pensejarahan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 01.

<sup>11</sup> Teuku Iskandar, "Pusat Kebudayaan Johor Abad Ke-16-17" *Warisan Persuratan Johor*, hlm. 11.

<sup>12</sup> Manuskrip pertama terdapat di KITLV di Leiden, Belanda. Penceritaan versi ini pendek, menggunakan ayat-ayat ringkas, istilah-istilah sastera yang sedikit dan tanpa petikan bahasa Arab. Manuskrip kedua kini dalam simpanan Royal Asiatic Society di London. Versi ketiga merupakan versi panjang yang dikemukakan oleh R.O. Winstedt di dalam *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* pada tahun 1936, yang menguna judul "A Malay History of Riau and Johore". Manuskrip yang keempat tersimpan di Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Ia menggunakan judul 'Sejarah Raja-Raja Melayu dan Bugis. Manuskrip kelima tersimpan di Universiti Leiden, Belanda. Manakala yang terakhir *Tuhfat al-Nafis* versi Terengganu yang mula dikenalpasti pada tahun 1986. Manuskrip ini berjudul *Tuhfat al-Nafis Naskhah Terengganu* ini merupakan manuskrip yang terpanjang berbanding versi-versi lain. Lihat tulisan Mardiana Nordin, "Pensejarahan Melayu-Johor Sehingga Awal Abad Ke-20. Tinjauan Sepintas Lalu" dalam *Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Malaya*. No.8.2000. hlm. 77-78.

Sultan Mahmud Syah mangkat dibunuh. Salasilah raja yang digambarkan meliputi raja-raja Melaka 1400-1528 dan raja-raja Johor 1528-1699.<sup>13</sup>

Raja Ali Haji iaitu pengarang *Tuhfat al-Nafis* memulakan pengisahan pada awal abad ke-18 dengan menonjolkan peranan Bugis di Johor. Raja Ali Haji mengemukakan sudut pandangan dan persepsinya terhadap Bugis, kerana beliau sendiri merupakan keturunan Bugis. Teks *Tuhfat al-Nafis* sendiri menjadi medan memartabatkan orang Bugis yang dianggap sebagai penyelamat kepada kesultanan Melayu Johor.<sup>14</sup> Raja Ali Haji bukan sahaja tokoh karyawan sejarah tetapi juga ahli bahasa dan berjaya menghasilkan ensiklopedia ekabahasa<sup>15</sup> yang menjadi rujukan bahasa Melayu Riau. Ensiklopedia ini mengandungi kata-kata akar atau asas dalam Melayu. Bidang lain termasuk bidang-bidang agama, sejarah, pemerintahan, tatanegara, sastera dan lain-lain.<sup>16</sup>

Selain dari *Tuhfat al-Nafis* terdapat juga teks lain yang mengisahkan kerajaan Johor seperti *Peringatan Sejarah Negeri Johor*<sup>17</sup> yang lebih jelas motif dan ringkas penulisannya. Penulisan *Peringatan Sejarah Negeri Johor* lebih menarik teknik penulisannya berbanding penulisan sebelumnya. Ia menjurus kepada satu teknik penulisan ciri-ciri biografi politik Sultan Sulaiman (1721-1760). Manuskrip ini bermula

---

<sup>13</sup> Catatan ini adalah ringkasan daripada manuskrip *Sulalatus Salatin* oleh Tun Sri Lanang. Lihat Muhd. Yusof Ibrahim dan Muhayudin Haji Yahya, 1988. *Sejarawan dan Pensejarahan, Ketokohan dan Karya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 250.

<sup>14</sup> Ini menunjukkan bahawa tradisi pensejarahn yang ditulis di kalangan masyarakat Bugis tradisional untuk mempertahankan, membela hak dan kedudukan para bangsawanya. Lihat Muhammad Yusoff Hashim, *Pensejarahan Melayu*, hlm. 465.

<sup>15</sup> Eka bermaksud satu, ahad (Allah), esa, wahid, tunggal. Zainal Abidin bin Safarwan (Penyusun), 1995. *Kamus Besar Bahasa Melayu: Utusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd Ekabahasa bermaksud satu bahasa. Kelana C.M. dan Lai Choy (ed.), 1998. *Kamus Perwira*. Penerbit Daya Sdn. Bhd., hlm. 334.

<sup>16</sup> Hasan Junus, *Raja Ali Haji Budayawan Di Gerbang Abad Ke XX*, hlm.122.

<sup>17</sup> Manuskrip ini ditulis sempena pertabalan Bendahara Tun Abdul Jalil sebagai Sultan Johor pada Mei 1699. Salinan ini dikatakan tersimpan di Perpustakaan Universiti Leiden, Belanda.

dengan kekalahan Johor kepada Jambi tahun 1673, diikuti kelahiran Sultan Sulaiman tahun 1699, kemunculan Raja Kecil 1718, pertabalan Sultan Sulaiman 1721 dan berakhir pada tahun 1750. Ringkasnya, *Peringatan Sejarah Negeri Johor* ini menjadikan Sultan Sulaiman sebagai motif utama dan mengaitkan peristiwa serta penglibatannya dengan kuasa Bugis dan Belanda.<sup>18</sup>

*Hikayat Johor Serta Pahang* pula masih belum diketahui salinan asalnya. Terdapat salinan mikrofilem di perpustakaan Universiti Malaya (mf 1436.1) dan sebuah salinan di perpustakaan Universiti Singapura (JQ mal.3). Kemungkinan naskah asal ditulis dalam tulisan Jawi, kemudian ditaip rumi oleh seorang kakitangan pegawai kerajaan Johor bertarikh 20 Jun 1917.<sup>19</sup> Karya *Sejarah Raja-Raja Melayu dan Bugis* juga ditulis pada masa yang sama dengan *Tuhfat al-Nafis*. Naskah ini tersimpan di perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Dalam manuskrip ini terdapat tarikh penyalinan pada 3 Sya'aban 1282. Penulisannya bermula dengan pembukaan Singapura dan huraian secara ringkas sahaja. Namun, huraian lebih panjang dan jelas selepas kejatuhan Melaka sehingga sehinggalah Tun Abu Bakar menjadi Sultan Johor.<sup>20</sup>

Karya yang menjelaskan perihal penglibatan Bugis di dalam kerajaan Johor tercatat dalam *Sejarah Bugis*. Pengesahan *Sejarah Bugis* ini mempunyai sedikit persamaan dengan *Silsilah Melayu Dan Bugis*. Naskah ini tersimpan di Muzium Perak dan pada tahun 1962, dipindahkan ke Muzium Negara, Kuala Lumpur. Manakala *Hikayat*

---

<sup>18</sup> Leonard Y. Andaya, *Kerajaan Johor 1641-1728*, hlm. 11.

<sup>19</sup> Muhammad Yusoff Hasyim & Aruna Gopinath, 1992. *Tradisi Pensejarahan Pahang Darul Makmur 1800-1930*. Petaling Jaya: Tempo Publishing (M) Sdn. Bhd., (Kumpulan Delta Publishing), hlm. 28

<sup>20</sup> Mohd. Khalid Saidin, 1971. "Naskah-Naskah Lama Mengenai Sejarah Negeri Johor", *Dewan Bahasa*. Bilangan 8, Ogos, hlm. 341.

*Raja-Raja Riau* adalah satu lagi naskah perihalkan politik di dalam kerajaan Johor pada abad ke-18. Teks ini bermula dengan kemangkatan Sultan Mahmud Syah II. Kisah lain melibatkan peperangan Raja Kecil dengan Opu-Opu Bugis Lima Bersaudara. *Hikayat Raja-Raja Riau* diakhiri dengan kemangkatan Sultan Sulaiman dan pelantikan Raja Mahmud (Sultan Mahmud Syah III, 1761-1812) yang masih kecil. *Hikayat Raja-Raja Riau* dipercayai ditulis pada 1282 Hijrah.<sup>21</sup>

Apabila kita menilai penulisan pada masa kerajaan Johor dan kerajaan-kerajaan yang sezaman dengannya, penulisan pada waktu itu bukanlah bermotifkan untuk memenuhi ilmiah sejarah atau untuk kepentingan peribadi. Namun ia lebih kepada keperluan merekod dan mencatat peristiwa penting yang berlaku dalam masyarakat sekelilingnya. Mungkin juga untuk kepentingan generasi akan datang seperti dijelaskan oleh Tun Seri Lanang dan Raja Ali Haji bin Raja Ahmad Haji.<sup>22</sup> Selain itu, penulis waktu itu menggunakan dua teknik penulisan iaitu secara prosa dan puisi. Bagi menggambarkan sejarah peradaban manusia pada waktu itu, kedua-dua teknik tersebut telah digunakan.<sup>23</sup>

---

<sup>21</sup> Mikrofilem *Hikayat Raja-Raja Riau* terdapat di Perpustakaan Universiti Malaya dalam dua salinan yang berbeza yang diperolehi dari Universiti Leiden, Belanda.

<sup>22</sup> Lihat W. G. Shellabear (ed.), 1982. *Sejarah Melayu*. Petaling Jaya: Fajar Bakti, hlm. 02. Virginia Matheson, (ed.), 1982. *Tuhfat al-Nafis*, hlm. 370.

<sup>23</sup> Antara karya dalam bentuk prosa zaman Johor-Riau seperti *Hikayat Johor Serta Pahang*, *Hikayat Raja Johor*, *Tuhfat al-Nafis* dan lain-lain. Manakala dalam bentuk puisi pula seperti *Syair Perang Johor* dan *Syair Engku Puteri*. Muhammad Yusoff Hashim, *Pensejarahan Melayu*, hlm. 69.

### Karya Sastra Undang-Undang

Karya bercorak undang-undang turut dihasilkan di zaman Johor-Riau. Berpandukan *Undang-Undang Melaka*, disesuaikan dengan keadaan masa dan tempat, satu naskah berbentuk sastra undang-undang iaitu *Undang-Undang Johor* atau *Hukum Kanun Johor* telah dihasilkan. Secara tidak langsung pengaruh *Undang-Undang Johor* turut tersebar ke Aceh. Hal ini berlaku apabila Sultan Alaudin Riyat Syah al-Kahar (1537-1568) Aceh, mengalahkan Sultan Alauddin Syah Johor, putera Sultan Mahmud Syah Melaka. Raja Johor di bawa ke Aceh. Pada masa pemerintahan Sultan Aceh inilah, menurut *Bustamus-Salatin*, pemerintah dan perundangan Aceh diatur kembali. Ini secara tidak langsung pengaruh *Undang-Undang Johor* diperkenal di Aceh.<sup>24</sup>

*Hukum Kanun Johor* masih mempunyai pengaruh *Hukum Kanun Melaka*. Agak sukar untuk menetapkan apa yang tersirat dalam *Hukum Kanun Johor*. Kemusykilan ini disebabkan oleh ia tidak dapat berdasarkan kepada satu-satu teks. Kedua-dua teks yang dianggap sebagai *Hukum Kanun Johor* tetapi diberi gelaran yang berlainan seperti *Hukum Kanun Melaka* atau *Undang-Undang Melaka*. *Hukum Kanun Johor*, manuskripnya tersimpan di Perpustakaan Nasional Indonesia.<sup>25</sup> Undang-undang ini adalah warisan *Hukum Kanun Melaka*. Ia dikatakan mula dipraktikkan pada pada zaman Sultan Mahmud II hingga Sultan Sulaiman ibni Abdul Jalil Rahmat Shah dan Datuk Bendahara Tun Hassan.<sup>26</sup>

---

<sup>24</sup> Teuku Iskandar, "Pusat Kebudayaan Johor Abad Ke-16-17" *Warisan Persuratan Johor*, hlm. 8.

<sup>25</sup> *Ibid.*, hlm. 161. Lihat juga tulisan Abu Hassan Sham, 1995. *Hukum Kanun Melaka*. Perbadanan Muzium Melaka.

<sup>26</sup> Abu Hassan Sham, "Undang-Undang Johor Pra Abad Ke-19" *Warisan Persuratan Johor*, hlm. 162.



Karya tatanegara turut dihasilkan khusus untuk pemerintah dalam menjalankan pemerintahan. Salah satu karya yang terkenal ialah tulisan Raja Ali Haji bertajuk *Thamarat al Mahammah Dhiafatul Umara' wal Kobra al Ahlul Mahkamat*. Karya ini dikatakan ditulis dengan tujuan untuk mengenang kematian yang Yang Di Pertuan Muda Ali (1857M) dan kepada istana Lingga-Riau.<sup>27</sup>

Sebelum menulis karya *Thamarat al Mahammah*, Raja Ali Haji menulis risalah pendek berjudul *Muqaddimah fi Intizam al-Mulk* yang ditujukan kepada saudara sepupunya Raja Ali II, yang menjadi YDPM Riau VIII (1844-1857). Melalui karya ini, Raja Ali Haji memberi peringatan dan menjelaskan tugas negara seperti berkaitan keadilan dan persamaan, melaksanakan penerbitan, dan mewujudkan kemakmuran. Begitu juga soal kewangan negara harus dijaga dan dibahagikan sama rata. Ini bagi menjamin kesejahteraan sosial dan keceriaan masyarakat.<sup>28</sup>

Walau bagaimanapun, Riau yang pernah menjadi pusat kerajaan Johor turut masih mengekalkan perundangan Johor. Karya bercorak undang-undang iaitu *Undang-Undang Riau* menyamai perundangan Johor terutama dalam urusan mentadbir dan menetapkan peraturan. Melalui karya ini, hanya raja berhak mendirikan balairong, pintu gerbang, penganggahan dan selasar dua tingkat, serta melantik penghulu, Kadi, Hakim, pegawai-pegawai masjid, pawang dan bidan. Hal-hal seperti telah wujud di zaman Johor-Riau yang mencerminkan peradaban tersendiri bangsa Melayu sebagai bangsa berperadaban.

---

<sup>27</sup> B.W. Andaya dan V.Matheson. "Islamic Thought and Malay Tradition: The Writing of Raja Haji of Riau", dalam Jurnal *Al-Syahid*, vol. 1, No. 1, 1983. hlm. 147-171.

<sup>28</sup> *Ibid.*

Bagi penulisan bercorak tamadun<sup>29</sup> pula, dua ciri yang harus diambil kira. Pertamanya, karya seperti ini akan memuatkan peristiwa sejarah sesebuah masyarakat ataupun negara. Dengan kata lain, ia turut memuatkan aspek-aspek seperti sosio-budaya, politik, ekonomi dan agama. Walau bagaimanapun, dari segi geopolitiknya ia mungkin tertumpu kepada sebuah negara sahaja. Walau bagaimanapun *Sulalatus Salatin* (Sejarah Melayu) adalah sebuah karya sejarah budaya dan tamadun Melayu.

*Tuhfat al-Nafis* karangan Raja Ali Haji juga bercirikan tamadun. Walaupun karya ini lebih menfokuskan kepada pensejarahan politik, tetapi ia juga memuatkan perkara yang berkaitan sosio-politik, ekonomi dan keagamaan. Secara tersiratnya mencirikan peradaban Melayu waktu itu. Karya ini juga mencatatkan salasilah keturunan raja-raja Melayu dan Bugis.<sup>30</sup> Dari segi jangkamasa, karya ini menggambarkan masa yang panjang iaitu selama seribu tahun. Bermula Seri Teri Buana yang turun di Bukit Seguntang sehinggalah Temenggung Abu Bakar yang kemudian menjadi sultan Johor. Namun begitu, Raja Haji lebih memusatkan kepada satu entiti iaitu Kerajaan Johor-Riau-Lingga yang bertunjangkan keagungan suku Bugis dan bangsa Melayu amnya.<sup>31</sup>

Walaupun bagaimanapun, selepas zaman Johor-Riau ini, masih banyak karya sastera yang terhasil. Karya-karya pada dekat kini lebih matang dan dianggap sejagat bagi alam

---

<sup>29</sup> Juga dirujuk kepada peradaban dalam penulisan ini. Tamadun ialah kebudayaan, peradaban, kemajuan (akal budi). Zainal Abidin bin Safarwan (Penyusun), 1995. *Kamus Besar Bahasa Melayu: Utusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., hlm. 1871.

<sup>30</sup> Lihat Muhammad Yusof Ibrahim, 1988. "Raja Ali Haji dan Tuhfat al-Nafis: Satu Tinjauan Dari Sudut Kaedah Sejarah", dalam Nik Hassan Shuhaimi, (ed.), *Sumbangsih: Kumpulan Esei Sejarah*. Penghargaan untuk Prof. Datuk Zainal Abidin Abdul Wahid. Bangi: Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 102-103.

<sup>31</sup> Muhammad Yusof Ibrahim, 1994. *Pensejarahan Melayu 1800-1960*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 114-115.

Melayu. Salah satu karya sastra tersebut seperti *Sejarah Alam Melayu* yang berjumlah lima jilid dan dihasilkan oleh dua sejarawan tanah air, iaitu Abdul Hadi bin Hassan dan Buyong bin Adil.<sup>32</sup>

Karya-karya ini selain membentuk masyarakat Melayu yang bersopan santun, berbudi bahasa, membentuk kecerdasan berfikir, pergaulan yang mesra dengan tidak mengira agama, bangsa dan budaya, serta berjiwa seni yang peka kepada keindahan alam, dan mendapat panduan dan iktibar daripada tulisan-tulisan yang bermutu, maka lahirlah bahasa Melayu sebagai bahasa bertamadun dan diterima oleh semua lapisan masyarakat iaitu bahasa Melayu Johor-Riau.<sup>33</sup> Bahasa inilah yang menjadi bahasa ilmu, bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan Malaysia. Bakat penulisan yang didapati wujud di kalangan golongan penulis di Johor mahupun Riau sebenarnya di warisi terus oleh keluarga Melayu-Bugis di Johor-Riau dengan munculnya beberapa seniman dan sasterawan yang berpusat di istana Riau. Antara tokoh itu ialah Raja Ahmad bin Raja Haji pengarang *Syair Ungku Puteri* dan *Tuhfat al-Nafis*; Raja Ali bin Raja Jaafar yang mengarang *Syair Nasihat*; Raja Ali Kelana bin Raja Muhammad Yusof penulis *Percakapan Si Bakhil*; dan Raja Ali Haji bin Raja Ahmad pengarang *Kitab Pengetahuan Bahasa*. Penulis wanita pula antara lain termasuklah Raja Safiah binti Raja Ali Haji pengarang *Syair Kumbang Mengindera*, Raja Kalthum pengarang *Syair Saudagar Bodoh* dan Raja Aisyah yang menulis *Hikayat Syamsul Anuar*.<sup>34</sup>

---

<sup>32</sup> *Ibid.*

<sup>33</sup> Lihat tulisan Amat Juhari Moain, "Bahasa Melayu Johor-Riau: Lingua Franca Ketamadunan Melayu", *Warisan Persuratan Johor*, hlm. 259.

<sup>34</sup> Muhammad Yusoff Hashim, *Pensejarahan Melayu*, hlm. 466.

## SIGNIFIKAN BAHASA MELAYU JOHOR-RIAU

Sejarah bahasa Melayu telah melalui abad yang panjang bukan sahaja menjadi bahasa interaksi antarabangsa peradaban Melayu Melaka, malah kerajaan sebelumnya seperti kerajaan Serivijaya dan Majapahit. Begitu juga dengan penulisan sejarah bahasa Melayu telah banyak dilakukan bukan sahaja oleh sarjana tempatan tetapi sarjana luar negara.<sup>35</sup> Misalnya pada zaman Melaka abad ke-15 Masihi, bahasa Melayu telah menjadi bahasa perdagangan dan ilmu pengetahuan. Golongan pedagang telah menerima bahasa Melayu sebagai bahasa perantara antara mereka terutama pedagang dari India, Arab, China, Parsi (Iran), Siam (Thailand), Ujung Salang (Myanmar), Campa (Kembodia) dan pedagang dari kepulauan Asia Tenggara seperti Jawa, Bugis, Aceh, Brunei, Filipina, Palembang dan lain-lain. Dari sudut penyebaran Islam, mereka menggunakan bahasa Melayu dalam menyampaikan ajaran Islam di samping bahasa Arab. Secara tidak langsung bahasa Melayu telah berperanan sebagai bahasa pendidikan dan agama. Apabila kerajaan Johor-Riau bangkit, peranan Melaka tersebut telah dilestarikan di dalam peradaban Melayu Johor-Riau.

Jika kita teliti dari perspektif kepentingan, bahasa Melayu klasik ini telah berfungsi sebagai *lingua franca*.<sup>36</sup> Misalnya pada zaman keagungan kerajaan Johor bahasa itu digunapakai oleh pelbagai bangsa dari pelbagai negara dalam perdagangan

---

<sup>35</sup> Nik Safiah Karim, 1990. "Penulisan Sejarah Bahasa Melayu Yang Telah Dilakukan: Satu Penilaian Umum", dalam Zaiton Ab. Rahman dan Zaini Mohamed Zain, *Pensejarahan Bahasa Melayu Beberapa Pandangan Awal*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 01.

<sup>36</sup> Menurut UNESCO di Paris pada tahun 1953, *lingua franca* diertikan sebagai sejenis bahasa yang biasanya digunakan oleh orang-orang yang berlainan bahasa ibunda dengan tujuan untuk memudahkan komunikasi. Manakala kajian Samarin 1968, pula mengumpamakan bahasa Inggeris pada masa sekarang. Samarin, William J., 1968. *Lingua Francas of the World* dalam Joshua A. Fishman, (ed.) *Readings in the Sociology of Language*. New York: The Hague, Paris, Mouton, hlm. 660-672. *Lingua franca* juga merujuk kepada bahasa perantaraan. Zainal Abidin bin Safarwan (Penyusun), 1995. *Kamus Besar Bahasa Melayu: Utusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., hlm. 1066.

rempah di kawasan Asia Tenggara yang berpusat di pelabuhan Johor. Pada zaman Johor-Riau dan beberapa abad seterusnya bahasa Melayu menjadi bahasa perhubungan (contact language) untuk penyebaran agama Islam di kawasan yang sangat luas iaitu Gujerat, India dan pantai timur Sri Lanka, pantai barat Irian Jaya di bahagian timur; dan dari Campa di Vietnam ke Banten, di Jawa barat dan seterusnya ke Nusantara di bahagian selatan.<sup>37</sup>

Kegemilangan peradaban persuratan Melayu-Islam, berlansung seawal abad ke-16 dari Melaka ke Johor dan telah tersebar ke daerah Aceh, Palembang, Brunei, Banjarmasin dan Pattani. Semasa kerajaan Johor-Riau, persuratan Melayu bergiat aktif. Pada waktu itu Johor-Riau menjadi pusat inspirasi kepada kegiatan bahasa dan persuratan Melayu-Islam di Nusantara. Kitab (buku) dalam bahasa Melayu dikarang bertujuan bagi membentuk masyarakat berilmu berteraskan lunas-lunas Islam. Gabungan ajaran Islam dan fitrah manusia Melayu, telah membentuk masyarakat yang teguh, toleransi, dan berakhlak mulia. Bahasa Melayu Johor-Riau berjaya mengangkat martabat peradaban Islam di mata dunia sebelah timur (Asia Tenggara), dan seterusnya mengembangkannya. Bagi Asia Tenggara, bahasa Melayu penting dalam penulisan kitab.<sup>38</sup>

---

<sup>37</sup> Amat Juhari Moain "Bahasa Melayu Johor-Riau: Lingua Franca Ketamadunan Melayu", *Warisan Persuratan Johor*, hlm. 253.

<sup>38</sup> Kitab agama ini walaupun ditulis di luar kawasan Johor-Riau, tetapi pengaruhnya tetap berkesan kepada masyarakat dan pemerintah yang melihat Islam itu sebagai teras peradaban bahasa dan bangsa Melayu. Antara kitab itu ialah; *Sirat al-Mustaqim* sebuah kitab fiqh dikarang oleh Nuruddin al-Raniri, Aceh; *Sabil al-Muhtadin*, sebuah kitab fiqh dikarang oleh Muhammad Arshad di Banjarmasin; *Sayar al-Muhtadin*, sebuah kitab Fiqh Tasawuf karangn Abdul Samad al-Falimbani ketika di Mekkah; *Furu' al-Masa'il*, sebuah kitab Fiqh dikarang Abdullah di Patani dan banyak lagi. Amat Juhari Moain, "Bahasa Melayu Johor-Riau: Lingua Franca Dan Ketamadunan Melayu", *Warisan Persuratan Johor*, hlm. 257.

Apabila memperkatakan bahasa Melayu di Nusantara, peranan Johor-Riau dalam memartabat bahasa Melayu amat jelas.<sup>39</sup> Pada awal abad ke-16 bahasa Melayu berkembang pesat sebagai bahasa intraksi dan bahasa diplomat di kalangan suku bangsa di Nusantara. Pedagang dari Sulawesi, Jawa, Sumatera, Maluku dan Ternate yang mempunyai bahasa daerah sendiri turut menggunakan bahasa Melayu. Malah Belanda di Indonesia, turut menggunakan bahasa Melayu dalam urusan rasmi, perdagangan komunikasi dan diplomatik. Bahasa Melayu aktif digunakan sejak zaman Melaka, diteruskan di Johor-Riau sehingga abad ke-20. Lebih membanggakan dengan kedudukan bahasa Melayu tidak pernah tergugat oleh dominasi politik dan budaya bangsa asing seperti Belanda, Inggeris dan Portugis.<sup>40</sup>

Bahasa Melayu mempunyai dominasi yang kuat di daerah-daerah di Riau pada abad ke-18 dan ke-19 sebagai penerus kepada kerajaan Johor-Riau. Ini terbukti apabila pengaruh bahasa Melayu Johor-Riau telah digunapakai secara meluas dalam kerajaan Indonesia pada masa kini.<sup>41</sup>

Tokoh terkemuka dalam pembinaan bahasa dan budaya abad ke-19 ialah Raja Ali Haji (1808-1870). Raja Ali Haji telah berkarya dalam berbagai bidang ilmu termasuk bahasa, sastera, sejarah, dan agama. Dari sejumlah kitab itu, dua buah mengenai bahasa, empat buah lagi mengenai sejarah, lima buah dalam puisi, dan dua lagi dalam bidang

---

<sup>39</sup> Hamidy, *Riau Sebagai Pusat Bahasa dan Kebudayaan Melayu*, hlm. 53.

<sup>40</sup> Lihat tulisan Hamid Abdullah, 1984. "Melaka sebagai Lambang Keagungan Nusantara: Pandangan Dari Luar Tanah Melayu" dalam Abdul Latiff Abu Bakar (Penyelenggara), *Sejarah di Selat Melaka. Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Melaka*, hlm. 5-6.

<sup>41</sup> Bahasa Melayu Riau mencakupi banyak aspek seperti kenegaraan dan kemanusiaan antaranya pakaian tradisional, alat muzik, adat, rumah (bangunan) dan ungkapan umum. Lihat tulisan Tenas Effendy, 1989. *Ungkapan Tradisional Melayu Riau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. ix (pendahuluan).

hukum. Dalam bidang bahasa, beliaulah meletakkan dasar-dasar pembinaan dan pembakuan bahasa Melayu dalam daerah kekuasaan Riau-Lingga dan daerah takluknya. Beliau juga menyusun tata bahasa standard dalam *Bustan al Katibin* tahun 1857 dan menyusun Kamus Bahasa Melayu kitab *Pengetahuan Bahasa* tahun 1859.<sup>42</sup>

Kemuncak kepada kegiatan alam persuratan Melayu-Islam ini, apabila tulisan bahasa Melayu dan tulisan jawi menjadi wadah komunikasi, di pulau Penyengat iaitu gugusan pulau Johor-Riau. Pada abad ke-19 dan awal abad ke-20, bahasa Melayu Johor-Riau telah tersebar ke seluruh alam Melayu. Penulisan yang terkenal dan penting dalam persuratan Melayu, ialah karya Raja Ali Haji, selain daripada *Bustan al-Katibin* (1857), adalah *Salasilah Melayu dan Bugis* dan *Tuhfat al-Nafis*, kedua-duanya ditulis pada tahun 1865.<sup>43</sup>

Kedudukan bahasa Melayu di Johor-Riau pada ketika itu amat besar, sehinggakan negara Republik Indonesia yang terdiri dari banyak pulau telah mengambil keputusan memilih bahasa Melayu Johor-Riau sebagai bahasa nasionalnya. Selain itu, bahasa Melayu turut digunakan sebagai ikrar dalam satu upacara *Sumpah Pemuda*, tahun 1928. Dalam Kongres Bahasa Indonesia yang diadakan di Medan tahun 1954, rakyat Indonesia melafaskan “Bahawa asal bahasa Indonesia ialah bahasa Melayu” dan bahasa itu berasal dari kerajaan Johor-Riau. Ini adalah bukti yang kukuh bahawa bahasa Melayu Johor-Riau berpotensi sebagai bahasa kesatuan dan penyatuan yang hidup, bukan sahaja untuk

---

<sup>42</sup> *Ibid.*, hlm. 18.

<sup>43</sup> Amat Juhari Moain “Bahasa Melayu Johor-Riau: Lingua Franca Ketamadunan Melayu”, *Warisan Persuratan Johor*, hlm. 259.

sebuah negara seperti Indonesia, atau Malaysia, bahkan juga untuk seluruh kawasan Nusantara.<sup>44</sup>

Prof. Dr. Farid M. Onn, menyebut kekuatan bahasa Melayu tidak dapat disangkal lagi walaupun sebagai bahasa orang-orang terjajah, masih dapat bersayap dan berkembang di bawah pemerintahan kolonialisme Barat, sebagaimana berlaku keadaannya di Johor-Riau pada abad ke-19. Walaupun kekuatan politik dan ekonomi terhakis, namun bidang lain terutama persuratan dan agama (Islam), semakin aktif berkembang. Melalui tulisan kesusasteraan, tulisan jawi berkembang pesat. Ia digunakan sepenuhnya, untuk menyadur bahan-bahan akulturasi dari India: agama, sastera, sistem politik, astrologi, perubatan, seni dan pertukangan. Hasilnya banyak bahan Hindu, terutama sastera, yang ditulis dalam bahasa Sanskrit dialihbahasa ke dalam bahasa Melayu melalui tulisan jawi. Kitab-kitab agama dan kisah-kisah tentang kebesaran Islam dalam bahasa Arab juga dialihbahasa ke dalam bahasa Melayu. Tegasnya, tradisi kekukuhan bahasa Melayu Johor-Riau boleh kita terima sebagai satu teladan sejarah, yang perlu terus kita bina dan pupuk demi memperkuatkan usaha ke arah mewujudkan satu bahasa kesatuan dan penyatuan di Nusantara.<sup>45</sup>

Semasa zaman British, orang British telah menggunakan bahasa Melayu Johor untuk berinteraksi dengan orang-orang Melayu dan Peribumi yang lain bukan sahaja di Semenanjung, tetapi di jajahan Inggeris di Borneo (Kalimantan), di Pulau Pinang, kemudian di Singapura iaitu di Teluk Belanga, kemudian di tempat-tempat lain termasuk

---

<sup>44</sup> *Ibid.*, hlm. 6. Lihat juga Amat Juhari Moain "Bahasa Melayu Johor-Riau: Lingua Franca Ketamadunan Melayu", *Warisan Persuratan Johor*, hlm. 260.

<sup>45</sup> Zaharah Ibrahim, *Tradisi Johor-Riau, Kertas Kerja Hari Sastera 1983*, hlm. 07.



Melaka, dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu.<sup>46</sup>

---

<sup>46</sup> *Ibid.*

## WARISAN KESENIAN JOHOR-RIAU

Dalam aspek kebudayaan pula warisan peninggalan kerajaan Johor-Riau amat bermakna sekali. Johor-Riau telah berjaya mengangkat martabat bangsa Melayu sebagai bangsa berbudaya yang unik. Dalam bidang kebudayaan setempat iaitu pakaian dan muzik tradisional menjadi kebanggaan hingga hari ini. Wilayah yang luas dan pelbagai etnik memberi satu kelebihan kepada Johor untuk mengekalkan ciri-ciri budaya asli tempatan. Kawasan-kawasan tersebut meliputi seluruh kepulauan Riau-Lingga, Kampar, Siak, Inderagiri, Jambi (pesisir Sumatera Timur) hingga Aru, Semenanjung Tanah Melayu iaitu Kota Batu Sawar, Johor Lama, Pahang, Perak dan Kedah.<sup>47</sup> Dari gugusan pulau inilah lahirnya beraneka ragam kesenian rakyat yang mengalami transformasi sosial mengikut kehendak zaman.

### Kesenian Zapin Melayu Johor

Zapin<sup>48</sup> Melayu di Johor<sup>49</sup> merupakan salah satu kesenian rakyat yang masih ada di negeri Johor. Zapin merupakan tarian Melayu yang berasaskan kesenian Arab-Parsi yang telah disesuaikan dengan kesenian Melayu. Zapin bermaksud “gerak kaki” daripada perkataan al-Zafn. Tarian zapin bercorak persembahan atau pertunjukkan. Gerak tarinya berasaskan kaki penari-penarinya.<sup>50</sup> Zapin di Johor boleh dikenali dalam dua bentuk yang masing-masing mempunyai struktur gerak dan sifat tari yang khusus. Salah satunya

---

<sup>47</sup> Buyong Adil, 1971. *Sejarah Johor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 21.

<sup>48</sup> Zapin ialah sejenis lagu dan tarian dari tanah Arab. Zainal Abidin bin Safarwan (Penyusun), 1995. *Kamus Besar Bahasa Melayu: Utusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., hlm. 2195.

<sup>49</sup> Zapin Johor bukan sahaja sebagai hiburan tetapi juga berfungsi bagi sambutan Maulud Nabi, Hari Raya dan Awal Muharram. Zapin Johor dan Arab serta keistimewanya lihat Mohd Anis Md Nor, “Zapin Melayu Johor” dalam Abdullah Zakaria Bin Ghazali & Zainal Abidin Borhan, (ed.), 1994. *Johor Dahulu Dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, Muzium Negara, hlm. 99.

<sup>50</sup> [http://www.heritage.gov.my/seniFKRM\\_Tarianzapin.html](http://www.heritage.gov.my/seniFKRM_Tarianzapin.html).

<http://www.musicmall.asia.com/malaysia/folk/zapin.html>.

dikenali sebagai zapin Melayu sementara satu lagi dikenali zapin Arab. Zapin Melayu umumnya ditarikan oleh orang Melayu manakala zapin Arab ditarikan oleh masyarakat keturunan Arab. Zapin Melayu berkembang hasil dari adaptasi dari unsur-unsur zapin Arab. Orang Melayu telah mengubah suai gerak tari dalam zapin ini agar sesuai dengan budaya dan citarasa masyarakat waktu itu. Walaupun demikian kedua-dua genre zapin yang terdapat di Johor hari ini berasal dari satu tradisi kesenian masyarakat Arab yang di bawa dari Hadhramaut.<sup>51</sup>

Keunikan tradisi zapin Melayu terletak pada kesatuan muzik dan peralatannya yang dipengaruhi oleh kesenian Arab.<sup>52</sup> Mengikut kamus *Unabridged Malay-English Dictionary* yang ditulis oleh Richard Winstedt, perkataan zapin dikatakan berasal daripada kata Arab dan amat sering digunakan di negeri Johor. Wilkinson pula percaya bahawa zapin adalah perkataan yang diambil dari perkataan Arab bermaksud sejenis seni tari yang ditarikan oleh sepasang penari. Tambahnya lagi bahawa perkataan zapin pada umumnya merupakan *etymology* kepada istilah tari.<sup>53</sup>

Secara umum masyarakat seniman zapin di Johor, Riau, Sumatera Utara dan Sumatera Timur berpendapat bahawa kesenian tersebut berkaitan dengan kesenian masyarakat Arab yang dibawa ke daerah Melayu menerusi jaluran maritim di Asia Tenggara. Selain hubungkait istilah zapin dengan istilah Arab, hubungan orang Arab dan

---

<sup>51</sup> Mohd Anis Md Nor, "Zapin Melayu Johor", *Johor Dahulu Dan Sekarang*, hlm. 91.

<sup>52</sup> Gabus (alat bunyian bertali), marwas (gendang tangan), dan dok (gendang panjang) memberi kesan bunyi dan irama yang berhubungkait dengan kesenian dengan kesenian Semenanjung Arab. Ia dimainkan dalam upacara perkahwinan. *Ibid.*, hlm. 92.

<sup>53</sup> Untuk penjelasan lihat Richard Winstedt, (ed.), 1965. 6th. *An Unabridged Malay-English Dictionary*. Kuala Lumpur: Merican. Lihat juga R.J. Wilkinson, 1959. *A Malay-English Dictionary (Romanised)*. London: MacMillan & Co. Ltd.

kesenian Arab dengan zapin Melayu Johor juga dapat di kesan dari hubungan *historis* masyarakat Arab daripada Hadhramaut dan masyarakat pribumi Asia Tenggara khususnya di Kepulauan Melayu. Orang Arab Hadhramaut merupakan kelompok Arab yang terbesar di Asia Tenggara sejak abad ke-19 lagi.<sup>54</sup> Kebudayaan Arab ini telah menyusup masuk ke dalam diri orang Melayu dan menjadi sebahagian daripada budaya orang Melayu Johor hingga ke hari ini. Keaslian dan keunikan kesenian zapin ini masih lagi kekal walaupun jarak masa begitu lama. Zapin ini diterima oleh semua masyarakat Johor sebagai kesenian untuk semua.

Budaya zapin berkembang dalam masyarakat Johor apabila pedagang-pedagang Arab telah mengajar dan mempersembahkan budaya zapin ini kepada masyarakat tempatan dengan tujuan untuk menyebarkan budaya mereka. Sebaliknya orang Melayu pula mengambilnya dan menjadikan ia sebagai kesenian tempatan. Kesenian zapin di Johor penting dalam upacara seperti sambutan perkahwinan orang Melayu Johor. Selain dari itu, zapin juga dimainkan pada hari-hari kebesaran agama Islam, seperti Maulud Nabi, Hari Raya dan Awal Muharram. Secara tradisionalnya semua penari zapin Melayu Johor adalah terdiri daripada penari lelaki sahaja dan perempuan sebagai penonton sahaja.<sup>55</sup>

---

<sup>54</sup> William R. Roff, 1964. "The Malayo-Muslim World of Singapore at the close of the Nineteenth Century," *Journal of Asian Studies*, XXIV No. 1, hlm. 81. Tibbets pula menyarankan bahawa kedatangan orang Arab Hadhramaut ke rantau ini pada abad ke-14 adalah disebabkan oleh faktor-faktor komersial dan bukannya dakwah agama. Penempatan orang Arab tersebut telah membawa pengaruh kebudayaan Timur Tengah kepada masyarakat tempatan. Pengaruh kebudayaan orang Arab itu bukan sahaja datang daripada Hijaz tetapi sebaliknya dari Hadhramaut. Ini merupakan punca utama datangnya pengaruh kebudayaan orang Arab ke Malaysia, Singapura dan Indonesia. Mohd Anis Md. Nor "Zapin Melayu Johor", *Johor Dahulu dan Sekarang*, hlm. 94.

<sup>55</sup> *Ibid*,

Hari ini zapin diterima secara terbuka sebagai seni yang bukan sahaja melambangkan ketinggian dan keunikan peradaban Melayu Johor-Riau tetapi juga pemantapan budaya Arab-Islam ke dalam budaya Melayu Islam masa kini. Justeru itu, zapin telah menjadi kebanggaan orang Melayu bukan sahaja zaman kerajaan Johor, tetapi kini ia masih hidup subur dan berkembang kepada generasi baru yang turut sama meyelami keenakan dan keaslian budaya tempatan.<sup>56</sup>

Keunikan zapin warisan Johor-Riau ini dapat dilihat dari beberapa aspek termasuklah cara persembahan, pakaian penari, dan muzik. Sebagai sebuah tarian bercorak persembahan, tarian zapin terbahagi kepada tiga peringkat. Peringkat pertama merupakan permukaan tarian atau pembukaan tari. Peringkat kedua ialah pecahan atau gerak serta lenggang tari dan peringkat ketiga merupakan penutup tarian. Zapin mementingkan langkah kaki dengan posisi kaki selalu tertutup dan tidak merendah. Posisi tangan tidak diperlihatkan secara jelas misalnya motif memetik bunga, tangan kanan ataupun kiri berada di bawah bahu. Dari segi pakaian pula, semua penari berpakaian Melayu lengkap iaitu bagi lelaki berkain sampung dan bersongkok, manakala wanita memakai kurung berserta kain sarung. Selain itu, alat muzik utama yang digunakan bagi mengiringi tarian zapin ialah gabus, rebana, gendang, dan marakas. Petikan gabus bagi membawakan lagu, sementara rentak gendang atau rebana menentukan rentak dan pecahan tari. Antara lagu zapin ialah Lancang Kuning, Zapin Asli, Gendang dan Rebana dan lain-lain.<sup>57</sup>

---

<sup>56</sup> *Ibid*,

<sup>57</sup> [http://www.heritage.gov.my/seniFKRM\\_Tarianzapin.html](http://www.heritage.gov.my/seniFKRM_Tarianzapin.html).

[http://www.geocities.com/tengku\\_mahkota\\_muar/tarian\\_zapin.htm](http://www.geocities.com/tengku_mahkota_muar/tarian_zapin.htm).

Gambar 4.1: Tarian Zapin Melayu



Sumber: [http://www.heritage.gov.my/seniFKRM\\_Tarianzapin.html](http://www.heritage.gov.my/seniFKRM_Tarianzapin.html).

Gambar 4.2: Zapin Ditarikan Oleh Lelaki Dan Wanita



Sumber: [http://www.heritage.gov.my/seniFKRM\\_Tarianzapin.html](http://www.heritage.gov.my/seniFKRM_Tarianzapin.html).

Gambar 4.3: Pakaian Zapin Melayu



Sumber: [http://www.heritage.gov.my/seniFKRM\\_Tarianzapin.html](http://www.heritage.gov.my/seniFKRM_Tarianzapin.html).

Gambar 4.4: Gerak Kaki Dan Tangan Dalam Zapin



Sumber: [http://www.heritage.gov.my/seniFKRM\\_Tarianzapin.html](http://www.heritage.gov.my/seniFKRM_Tarianzapin.html).

http://www.heritage.gov.my/seniFKRM\_Tarianzapin.html



## Kesenian Ghazal Melayu Johor

Satu lagi peninggalan peradaban Melayu Johor-Riau yang masih kekal sehingga kini ialah kesenian Ghazal.<sup>58</sup> Dari segi etimologi, ghazal dipercayai berasal dari bahasa Arab yang membawa erti *Puisi Kasih*. Puisi ini dianggap sebagai salah satu jenis puisi yang paling popular di kalangan masyarakat Arab semenjak zaman Jahiliah lagi. Namun, contoh ghazal yang terawal tidak ada yang kekal ke hari ini. Kajian yang dijalankan terhadap kesenian ghazal, mendapati bahawa ghazal berasal dari Parsi merupakan sejenis nyanyian golongan muda yang dalam percintaan. Biasanya, ikatan senikata ghazal terdiri daripada tiga atau empat baris. Jumlah perkataan dalam setiap baris lazimnya antara lapan hingga sepuluh dan terdiri daripada dua hingga duapuluh sukukata. Terdapat persajakan bunyi bagi setiap kata penghujung baris seperti mana dijelaskan oleh Drs. Ungku Mohd. Zaman Tahir.<sup>59</sup>

Orang Melayu Johor-Riau bijak mengubah suai kesenian budaya luar untuk diserasikan dalam budaya tempatan. Kebolehan orang Melayu Johor-Riau mengubah kesenian orang Arab ini ke dalam kesenian Melayu amat dikagumi. Ia merupakan satu pencapaian peradaban Melayu zaman Johor-Riau yang masih kekal hingga hari ini. Profoser Dr. Naquib Al-Attas dalam bukunya *Rangkaian Rubaiyat* menyatakan bahawa ghazal mengandungi irama serupa dengan irama yang terdapat dalam rubaiyat, iaitu yang

---

<sup>58</sup> Ghazal ialah sejenis puisi kasih dalam kebudayaan orang Arab yang disampaikan melalui nyanyian. Ia wujud sejak zaman Jahiliah. Menurut Kinany A. KH, perkembangan ghazal di negeri-negeri Timur Tengah termasuk Mesir, Arab, Turki, Parsi dan Syria adalah melalui peperangan, perpindahan dan perdagangan di antara penduduk negeri tersebut dan selaras dengan kebudayaan masing-masing. Kinany, A. KH, 1981. *The Development of Ghazal in Arabic Literature (Pre-Islamic and Early Islamic Period)*. Syria: Syrian University Printing House, hlm. 39.

<sup>59</sup> Drs. Ungku Mohd. Zaman Tahir adalah seorang anggota kumpulan penulis dan penyelidik Projek PEWARIS Yayasan Warisan Johor 1998. Beliau juga merupakan Ahli Jawatan Kuasa Persatuan Penulis Johor (PPJ). Lihat Kamarudin Ab. Razak, (ed.), 1998. *Jurnal Warisan Johor*, Jilid II, ISSN: 1511-1377, Yayasan Warisan Johor, hlm. 143.

dinamakan *Hajaz*. Perkara yang disebutkan di dalam ghazal termasuk berkenaan kasih sayang dan ilmu tasauf. Ghazal hampir menyerupai *qasidah* dari segi bentuk dan corak iramanya cuma kandungan qasidah itu lebih panjang, iaitu melebihi 200 baris atau seratus bait.<sup>60</sup>

Mengikut kajian yang dibuat oleh para sarjana mendapati, seni muzik ghazal bertapak di Johor adalah hasil ilham wayang bangsawan Parsi. Wayang bangsawan Parsi telah berkembang di Johor sejak akhir abad ke-19.<sup>61</sup> Sejarah pembentukan ghazal Johor dipercayai mempunyai kaitan erat dengan keluarga diraja Riau-Lingga.<sup>62</sup> Kesenian Ghazal dikatakan mendapat tempat dan mula berkembang di istana-istana Riau-Lingga seawal abad ke-19. Ia menjadi 'dendang istana' majlis-majlis keramaian diraja atau pesta negara. Hubungan erat antara kerajaan Johor dan Riau-Lingga pada masa itu menyebabkan raja-raja dan golongan bangsawan Johor sering berulang alik ke Riau-Lingga. Mereka mempelajari muzik ini dan membawa pulang ke istana Johor yang pada masa itu terletak di Teluk Belanga, Singapura.<sup>63</sup>

Apabila memperkatakan nilai estetika dalam seni ghazal warisan peradaban Melayu Johor-Riau, bukan sahaja ciri-ciri menyenangkan, mengasyikan semata-mata,

---

<sup>60</sup> Kamarudin Ab. Razak, (ed.), 1998. *Jurnal Warisan Johor*, Jilid II, ISSN: 1511-1377, hlm. 144.

<sup>61</sup> Mohd Zamri Sabran, 1995. "Nilai Estetika Dalam Ghazal Dan Kepentingan" dalam Shaidun Haji Shaari & Inzura Haji Kosnin, (ed.). *Warisan Budaya Utara Selatan*, hlm. 181. Ghazal juga dikenali dengan wayang bangsawan Parsi yang menjadi hiburan kepada masyarakat Melayu Johor. Di Parsi, ghazal merupakan salah satu cara pembacaan puisi tanpa diiringi oleh sebarang alat muzik. Sementara di India (Hindustan), ianya lebih berbentuk nyanyian yang popular di istana. Golongan istana menamakan kesenian ini sebagai *langgam*. Lihat ulasan Kamarudin Ab. Razak, (ed.), 1998. *Jurnal Warisan Johor*, Jilid II, ISSN: 1511-1377, hlm. 144.

<sup>62</sup> Di istana raja-raja Riau-Lingga, seni ini menjadi persembahan utama dalam majlis keramaian atau mana-mana pesta negara. Para penyanyi biasanya dianugerahkan upah yang tinggi nilainya. Kamarudin Ab. Razak (ed.), 1998. *Jurnal Warisan Johor*, Jilid II, *Ibid.*, hlm. 145. Mohd Ishak Abdul Aziz, 1978. *Ghazal*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, hlm. 5.

<sup>63</sup> Rohaya Ahmad "Ghazal Melayu Johor", *Johor Dahulu Dan Sekarang*, hlm. 57.

tetapi juga menekankan falsafah seni itu sendiri. Nilai estetika dalam seni ghazal bukan sahaja keenakan irama atau melodinya semata-mata, tetapi juga aspek senikata lagu yang dicipta dengan penuh simbolik bertujuan menguji ketajaman fikiran dan perasaan serta menceritakan sejarah tempatan. Senikata lagu disusun mengikut ciri-ciri pantun yang merupakan salah satu genre sastera Melayu tradisi.<sup>64</sup> Salah satu contoh ghazal seperti lagu Seri Mersing yang berbentuk pantun / syair membawa intipati mendalam kepada penciptanya.

*Seri Mersing  
Seri Mersing Lagulah Melayu  
Dikarang Oleh Biduan Dahulu  
Hatiku Rusing Bertambah Pilu  
Menganangkan Nasib Dagang Piatu*

*Pantai Mersing Sudah Masyur  
Pantai Bersih Sudah Terpuji  
Hatiku Rusing Dapatlah Kuhibur  
Hatiku Patah Jiwaku Terkubur<sup>65</sup>*

Salah sebuah kitab ketatanegaraan karya Bukhari Al-Jauhari bertajuk *Tajus Salatin* (*Mahkota Raja-Raja*) yang dikarang dalam tahun 1603 di Aceh ada memuatkan beberapa contoh ghazal.<sup>66</sup>

Perkembangan seni muzik ghazal ini berjaya menonjolkan kesenian Arab-Parsi yang diasimilasikan dengan elimen budaya tempatan. Kesenian warisan peradaban Johor-Riau ini telah menjadi kesenian untuk rakyat. Perkembangan seni muzik ghazal di negeri Johor sering dikatikan dengan nama Allahyarham Datuk Bentara Luar, Mohd Salleh bin Perang. Semasa membuat daerah-daerah baru di Johor, Daruk Bentara turut memperkenalkan seni ghazal. Semenara di Endau, Muar, Mersing, Batu Pahat dan

<sup>64</sup> Mohd Zamri Sabran 'Nilai Estetika Dalam Ghazal Dan Kepentingan', *Warisan Budaya Utara Selatan*, hlm. 183.

<sup>65</sup> *Ibid.*, hlm. 184.

<sup>66</sup> Kamarudin Ab. Razak, (ed.), 1998. *Jurnal Warisan Johor*, Jilid II, ISSN: 1511-1377, hlm. 144.

daerah-daerah lain di Johor muzik ghazal dimainkan di rumah-rumah penghulu dan juga hari-hari keramaian tertentu.<sup>67</sup> Perkembangan seni muzik ghazal di Johor terkenal dan ada kaitannya dengan peranan Allahyarham Haji Musa bin Yusof atau lebih dikenali dengan panggilan Pak Lomak. Pak Lomak adalah cucu kepada Datuk Bentara Luar.<sup>68</sup>

Peranan zapin dan ghazal sebagai lambang ketinggian peradaban Melayu Johor-Riau amat jelas. Ini memandangkan kesenian ini bukanlah budaya tempatan tetapi diadaptasi dan diasimilasi ke dalam budaya tempatan. Ini membuktikan masyarakat Johor-Riau pada waktu itu sudah bersifat telus dan berupaya menyerap budaya luar dan menjadikannya sebagai budaya tempatan. Oleh itu, pengaruh dan kepentingannya masih lagi kekal hingga ke hari ini. Inilah yang membuktikan bahawa kebudayaan peradaban Johor-Riau amat dominan dalam masyarakat hari ini.

---

<sup>67</sup> *Ibid.*, hlm. 145.

<sup>68</sup> *Ibid.*, hlm. 146.

## KESIMPULAN

Secara umumnya, kerajaan Johor-Riau telah berjaya meninggalkan satu teras peradaban Melayu Islam yang unik dan unggul. Bukan sahaja bertindak sebagai warisan peradaban Melayu Melaka, tetapi lebih dari itu. Peradaban Melayu Johor-Riau juga berjaya mencipta sesuatu yang baru terutama dalam pembangunan sosio-budaya masyarakat tempatan. Salah satu kecemerlangan dan sumbangan bermakna kepada peradaban Melayu ialah dengan terhasilnya banyak hasil karya bercorak sastera, sejarah, undang-undang agama dan nilai-nilai etika dan tatanegara. Pesatnya aktiviti intelktual ini menjadi ukuran kepada kita bahawa masyarakat waktu itu mementingkan ilmu pengetahuan. Ini menjadi bukti yang jelas bahawa pesatnya perkembangan ilmu pengetahuan telah berlaku pada waktu itu. Kerajaan Johor-Riau telah berjaya menonjolkan diri bahawa bangsa Melayu adalah bangsa yang bertamadun, berdaya saing dan maju dalam pelbagai aspek ekonomi, politik dan sisio-budaya.

Salah satu aspek yang menjadi kebanggan kita hari ini ialah dari segi bahasa. Kerajaan Johor-Riau telah menggunakan bahasa Melayu sejak dari awal penubuhannya sehinggalah akhir kerajaan itu sebagai bahasa interaksi dan sebagai wadah dalam bidang agama dan pendidikan. Walaupun bahasa Arab menjadi bahasa utama di seluruh dunia waktu itu sebagai bahasa ilmu pengetahuan, namun di Johor bahasa Melayu telah berperanan besar. Cendiakiwan Johor-Riau telah menjadikan bahasa Melayu sebagai wadah dalam pendidikan dan kesenian. Dalam menyampaikan ajaran Islam, bahasa Melayu digunakan secara meluas dan difahami semua rakyat. Walaupun Johor tidak

setanding Melaka dan Aceh dalam menyebarkan Islam di rantau ini, namun kesungguhan pemerintahnya mendaulatkan peradaban Islam sebagai agama ad-din perlu dipuji.

Begitu juga dengan aspek sosio-budaya. Budayawan Johor bijak mengasimilasi kesenian luar ke dalam kesenian bercorak tempatan yang digemari ramai. Salah satu warisan kesenian Johor-Riau yang penting ialah kesenian zapin dan ghazal yang dikatakan berasal dari Timur Tengah. Tidak hairanlah Johor menyimpan banyak khazanah alam dan warisan kesenian yang bernilai kerana peranannya juga amat besar. Namun begitu, Johor dan Riau telah wujud sebagai sebuah intiti budaya dan negara yang berasingan kesan penjajahan kuasa barat. Namun, peradaban Johor-Riau masih berperanan dan menjadi teladan hingga hari ini. Justeru itu, tidak salah kiranya penulis mengatakan bahawa peradaban Johor-Riau telah banyak meninggalkan warisannya dalam memartabatkan peradaban Melayu waktu itu. Kita seharusnya berbangga dengan warisan peninggalan peradaban Melayu Johor-Riau yang kini menjadi tontonan dan kajian generasi kemudian.